

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

Minda Pengarang



Rangka strategi tangani segera isu kekurangan doktor, jururawat

Perubatan antara bidang kritikal dan penting di negara ini. Tunjang kepada bidang perubatan sudah tentu tertumpu kepada jumlah pegawai perubatan dan jururawat yang perlu ditempatkan di sesebuah kemudahan kesihatan, khususnya hospital dan klinik kesihatan kerajaan.

Hari ini, fasiliti kesihatan kerajaan dikatakan berdepan kekurangan pegawai perubatan dan jururawat sehingga menjejaskan perkhidmatan kepada pesakit seperti dilaporkan berlaku di Johor.

Antara punca kekurangan doktor dan jururawat di pusat kesihatan kerajaan adalah penghijrahan golongan terbabit ke Singapura susulan negara seberang tambak itu menawarkan insentif gaji lebih tinggi berbanding di negara ini.

Hakikat perlu disedari, masalah kekurangan doktor dan jururawat di hospital atau klinik kerajaan bukan berlaku di Johor sahaja, bahkan di negeri lain, terutama di Lembah Klang. Jumlah doktor sedia ada didapati tidak sepadan untuk menampung populasi di banyak negeri ketika ini.

Ia disebabkan Malaysia kehilangan sekurang-kurangnya graduan perubatan setiap tahun kerana mereka memilih untuk berkhidmat di luar negara, terutama Singapura sebaik menamatkan pengajian.

Masalah penghijrahan doktor dan pegawai perubatan serta jururawat ke luar negara berlarutan selagi tiada usaha serius menangani isu terbabit. Antara puncanya adalah kebanyakan doktor dan jururawat ditawarkan berkhidmat secara kontrak.

Terdapat beberapa cadangan dibangkitkan bagi mengatasi isu kekurangan doktor perubatan dan petugas kesihatan profesional, namun antara masalah dihadapi Kementerian Kesihatan (KKM) adalah kekangan dana daripada kerajaan untuk menyerap doktor kontrak ke jawatan tetap.

Menteri Kesihatan juga sudah berubah beberapa kali dalam tempoh enam tahun lalu, namun isu kekurangan petugas perubatan di premis kesihatan kerajaan terutama di kawasan pedalaman seperti masih jauh dapat diselesaikan.

Walaupun jumlah doktor dan petugas kesihatan kontrak ditambah, jumlahnya masih tidak mencukupi, sehingga menambah lagi beban tugas doktor sehingga akhirnya menimbulkan masalah lain kepada mereka seperti mengalami tekanan mental dan gangguan psikologi.

Dalam hal ini, KKM, Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) perlu merangka strategi jangka pendek dan jangka panjang bagaimana hendak menangani masalah kekurangan petugas kesihatan.

Kekangan bajet untuk memenuhi keperluan dalam bidang kesihatan negara wajar ditangani secara tuntas kerana ia membabitkan kepentingan rakyat serta hak mereka untuk mendapat perkhidmatan kesihatan terbaik, seiring kepesatan teknologi perubatan.

KKM juga perlu menangani segera berkaitan nasib doktor dan jururawat kontrak kerana kekecewaan mereka dalam perkhidmatan akhirnya mendorong sebahagian besar berhijrah ke hospital atau klinik swasta selain ke luar negara yang menawarkan insentif lebih menarik berbanding di negara sendiri.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Garis panduan baharu SOP COVID-19 diteliti sebelum dikemas kini

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) akan bermesyuarat pertengahan bulan ini bagi membincangkan garis panduan baharu prosedur operasi standard (SOP) COVID-19 berikutan pengumuman penamatan status kecemasan kesihatan global oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata kementerian mengambil pendekatan berhati-hati sebelum membuat pengumuman dengan mengambil kira Malaysia yang masih ditetapkan di bawah Kawasan Jangkitan Tempatan sehingga 30 Jun ini.

"Pertengahan bulan ini, kita akan meneliti SOP dan lihat bagaimana kita boleh membuat kemas kini," katanya kepada pemberita selepas pelancaran Kuala Lumpur Wellness City (KLWC) di Bukit Jalil, semalam.

Beliau berkata, pindaan terhadap SOP berkenaan termasuk membabitkan pemakaian pelitup muka dalam pengangkutan awam.

"Kita perlu melihat sama ada trend kes (COVID-19) kerana ia sesuatu yang kita tidak boleh jangkaan, contohnya kita mungkin berdepan lonjakan kes ketika musim perayaan jadi kita perlu menguruskannya dan selepas itu baru kita pu-

tuskan," katanya.

Mengulas mengenai pelancaran KLWC, beliau berkata, ia menandakan langkah berani ke arah mewujudkan masyarakat mampan dan inklusif dengan meletakkan keutamaan terhadap kesihatan dan kesejahteraan rakyat.

"Inisiatif ber wawasan ini mewakili komitmen menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan terbaik ke arah membina negara lebih sihat, yang mengiktiraf kesalinghubungan kesejahteraan fizikal, mental dan sosial," katanya.

Projek perbandaran khas

KLWC adalah projek perbandaran khas pertama di Asia Tenggara bagi memupuk gaya hidup bersepadu sepenuhnya dengan penjagaan kesihatan dan kesejahteraan. Membabitkan nilai pembangunan kasar RM11 bilion merangkumi lebih 10.72 hektar tanah.

Projek itu menampilkan ekosistem lengkap untuk kesejahteraan dan kesihatan seperti The Nobel Healthcare Park, Hospital Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIAH), makmal inovasi, fasiliti penyelidikan klinikal dan pembangunan, menara pejabat penjagaan kesihatan, pusat peranginan pesara, hab penjagaan kesihatan dan taman berasaskan kecergasan.



Dr Zaliha melihat reka bentuk pembangunan projek KLWC pada majlis perasmian di Bukit Jalil, semalam. (Foto BERNAMA)

Syor tawar gaji menarik doktor, jururawat di Johor

Johor Bahru: Kementerian Kesihatan (KKM) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) disaran menawarkan skim ganjaran dan tangga gaji lebih menarik untuk doktor dan jururawat di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Johor, Ling Tian Soon, berkata ia susulan isu kekurangan doktor dan jururawat yang serius, termasuk sektor swasta susulan memilih berkhidmat di Singapura.

Katanya, penghijrahan doktor

dan jururawat dari Johor menyebabkan hospital utama terutama Hospital Sultanah Aminah (HSA) dan Hospital Sultan Ismail (HSI) di sini, mengalami isu kekurangan doktor dan jururawat yang serius.

"Justeru, kita mencadangkan KKM dan JPA menawarkan skim ganjaran dan tangga gaji lebih menarik untuk doktor dan jururawat yang berkhidmat di negeri ini.

"Penghijrahan doktor dan jururawat di bandar raya ini mem-

beri kesan terhadap perkhidmatan serta rawatan kepada pesakit.

"Johor kekurangan 2,800 kakitangan kesihatan, membabitkan 2,120 doktor dan 680 jururawat.

"Kekurangan staf kesihatan menjejaskan klinik pakar HSA yang merekodkan 1,800 janji temu pesakit sehari manakala 1,900 janji temu klinik pakar di HSA yang kini mengalami kesesakan.

"Ia juga menjejaskan rawatan di Unit Kecemasan dan Trauma

HSA dan HSI yang puratanya menerima antara 400 hingga 600 pesakit sehari," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas pelancaran sambutan Hari Jururawat Antarabangsa peringkat Johor yang disempurnakan Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi, semalam.

Pada 25 Oktober 2021, BH pernah melaporkan Malaysia bakal kehilangan ratusan doktor dan jururawat berikutan tindakan beberapa hospital di Singapura

menawarkan kontrak lumayan dan insentif menarik untuk mereka bekerja di negara itu.

Tawaran bekerja di rangkaian hospital awam republik itu dikatakan menarik minat ramai doktor dan jururawat negara ini untuk berhijrah, khususnya dalam kalangan mereka yang masih berstatus kontrak ketika ini.

Antara faktor yang mencetuskan minat mereka ialah tawaran gaji sehingga mencecah 10 kali ganda berbanding gaji yang diperolehi di negara ini.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : LOKAL

Johor Bahru: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) disaran menawarkan skim ganjaran dan tangga gaji lebih menarik kepada doktor dan jururawat yang berkhidmat di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Johor, Ling Tian Soon berkata, ia susulan isu kekurangan doktor dan jururawat yang serius di negeri ini yang dikesan berhijrah ke Singapura untuk berkhidmat di republik itu.

Katanya, penghijrahan doktor dan jururawat dari Johor itu menjejaskan hospital utama terutama Hos-

Minta KKM, JPA tawar skim gaji menarik kepada doktor, jururawat di Johor

pital Sultanah Aminah (HSA) dan Hospital Sultan Ismail (HSI) di sini.

"Susulan isu kekurangan doktor dan jururawat yang serius di negeri ini terutama di HSA dan HSI, kita mencadangkan KKM dan JPA menawarkan skim ganjaran dan tangga gaji lebih menarik untuk doktor dan jururawat yang berkhidmat di negeri ini.

"Johor kekurangan 2,800 kakitangan kesihatan, membabitkan 2,120 doktor dan 680 jururawat. Kekurangan

staf kesihatan menjejaskan klinik pakar HSA yang merekodkan 1,800 temujanji pesakit sehari manakala 1,900 temujanji klinik pakar di HSA yang kini mengalami kesesakan.

"Ia juga menjejaskan rawatan di Unit Kecemasan dan Trauma HSA dan HSI yang puratanya menerima antara 400 hingga 600 pesakit sehari," katanya pada sidang media selepas pelancaran sambutan Hari Jururawat Antarabangsa Peringkat Johor, di sini, se-

malam.

Pelancaran sambutan disempurnakan Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi.

Dalam pada itu, Tian Soon yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Yong Peng berkata, KKM memaklumkan akan menghantar pelan cadangan terperinci bagi menyelesaikan isu kekurangan doktor dan jururawat kritikal di negeri ini.

Katanya, jaminan itu diberikan KKM susulan tinjauan isu berkenaan yang disertai pegawai tertinggi

KKM di HSI kelmarin.

"Perbincangan bersama KKM selepas tinjauan di HSI sangat positif apatah lagi Kementerian memberi jaminan untuk bantu Johor menambah staf perubatan.

"Fokus kita adalah bagi dua wad yang tidak beroperasi di HSI akibat kekurangan doktor dan jururawat yang boleh menempatkan 108 katil, supaya ia dapat dibuka sekali gus dapat mengatasi isu kesesakan wad di hospital berkenaan," katanya.



TIAN Soon

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : LOKAL

GENERASI MUDA TAK SOKONG

Gesa akta GEG diteliti semula

Oleh Hafidzul Hilmi
Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Isu berkaitan rokok dan vape terus menjadi bualan masyarakat selepas kerajaan bercadang memperkenalkan Rang Undang-Undang (RUU) Akta Generasi Penamat Rokok (GEG) bagi menyekat mereka yang lahir selepas 2007 daripada menggunakan produk itu untuk selama-lamanya walaupun sudah dewasa pada masa depan.

Memang diakui tabiat merokok atau menggunakan vape adalah tidak baik untuk kesihatan di semua peringkat umur namun ia agak keterlaluan menguatkansakan undang-undang 'keras' yang akan melarang seorang dewasa memilih untuk merokok atau menggunakan vape.

Untuk makluman rokok dan vape bukannya dadah untuk dikenakan larangan sebegini, undang-undang sedia ada berupaya mengekang tabiat ini.

Pakar-pakar ekonomi juga membuat kesimpulan bahawa larangan sepenuhnya ke atas rokok dan vape hanya



GEG ialah dasar baharu dicadangkan Kementerian Kesihatan bagi mewujudkan generasi baru yang bebas tabiat merokok termasuk penggunaan rokok elektronik terutama generasi muda yang lahir selepas 2007.

akan mengakibatkan sebuah letusan dalam aktiviti produk haram dan peningkatan aktiviti jenayah kerana akan ada golongan yang mencari produk ini dari sumber haram untuk merokok atau menggunakan vape.

Dalam satu laporan kajian yang dikeluarkan kumpulan pemikir Arunachala Research & Consultancy Sdn Bhd (ARRESCON) mendedahkan perunda-

ngan yang dicadangkan kerajaan itu untuk dibawa ke Parlimen mempunyai kelemahan, terutamanya berkaitan mengehadkan asas hak rakyat dan kesan terhadap perniagaan.

Berdasarkan dapatan tinjauan kajian berkenaan, lebih separuh daripada responden tidak yakin dengan RUU berkenaan dan bersejatu lebih banyak kajian perlu dilakukan.

Sehubungan itu, semakan terperinci dan menyeluruh perlu dijalankan dengan semua pihak berkepentingan yang berkaitan, termasuk badan bukan kerajaan (NGO) dan persatuan pengguna yang bebas.

Kajian juga mencadangkan, Ahli Parlimen, persatuan pengguna, badan pemikir bebas, badan perniagaan dan orang awam perlu mempertimbangkan panda-

ngan dengan teliti.

Kerajaan perlu membentuk panel pakar terdiri daripada semua pihak berkepentingan untuk menilai daya maju rakyat Malaysia pada masa hadapan dan bukan tergesa-gesa melalui perundangan.

Hasil kajian dengan 22 muka surat itu dijalankan di beberapa bandar seperti Ti-tiwangsa, Kuala Lumpur; Pulau, Johor; Jerai, Kedah;

Kemaman, Terengganu dan Pasir Puteh, Kelantan.


Seramai 2021 responden terbabit dalam kajian berkenaan yang terdiri daripada generasi muda yang akan berhadapan dengan GEG pada masa hadapan.

Sebelum ini, platform Malaysia Bersuara mengemukakan petisyen 'rakyat Malaysia menolak GEG' yang mendapat tandatangan lebih dari sejuta sokongan.

GEG mungkin mempunyai niat yang baik namun belia di negara ini tidak menyukainya kerana bercanggah hak kesamarataan dan kebebasan mereka.

Desakan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terhadap dasar GEG ini mungkin menjadi topik 'hangat' ketika tempoh ke kempen dijalankan. GEG ialah dasar baharu yang dicadangkan oleh Kementerian Kesihatan bagi mewujudkan generasi baru yang bebas tabiat merokok termasuk penggunaan rokok elektronik terutama generasi muda yang lahir selepas 2007.

Ketika ini, Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen dijangka membentangkan semula dalam sidang parlimen pada masa akan datang.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : LOKAL

Dua kematian akibat malaria

Trend jangkitan di Terengganu meningkat

Oleh Nazdy Harun
am@hmetro.com.my

Kuala Berang

Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) merekodkan dua kematian membabitkan penyakit malaria di negeri ini, tahun lalu.

Pengarahnya, Datuk Dr Kasemani Embong berkata, sebanyak 32 kes malaria dilaporkan membabitkan 29 kes malaria zoonotik dan tiga kes malaria manusia (import) bagi tempoh sama.

Menurutnya, daripada jumlah itu, dua kematian dicatatkan membabitkan kes malaria zoonotik iaitu jangkitan daripada haiwan spesies kera kepada manusia.

"Setakat Mei tahun ini, 26 kes malaria dilaporkan di

negeri ini melibatkan 22 kes malaria zoonotik dan empat kes import human malaria.

"Kes import tahun ini dilaporkan berlaku di Dungun, Kuala Nerus, Hulu Terengganu dan Kuala Terengganu melibatkan warga Rohingya.

"Manakala tempoh sama tahun lalu bagi kes import pula adalah sebanyak 13 kes," katanya pada sidang media selepas Majlis Sambutan Hari Malaria Sedunia Peringkat Terengganu di Pengkalan Gawi, Tasik Kenyir, di sini, semalam.

Menurutnya, daerah Hulu Terengganu mencatat kes malaria paling tinggi setakat Mei lalu iaitu 10 kes diikuti Kemaman (5), Dungun (4), Setiu (3), manakala Besut, Marang, Kuala Nerus dan Kuala Tereng-

ganu masing-masing satu kes.

Menurutnya, sepanjang lima bulan tahun ini, tiada kematian direkodkan dan terdapat dua kategori jangkitan penyakit malaria iaitu jangkitan manusia kepada manusia yang disebabkan oleh parasit plasmodium falciparum, vivax, malariae dan ovale.

Katanya, kategori kedua pula adalah jangkitan malaria zoonotik yang disebabkan oleh parasit plasmodium knowlesi yang merebak daripada haiwan seperti kera yang menjadi perumah kepada manusia.

"Cabaran pada masa ini bagi Terengganu adalah daripada jangkitan malaria zoonotik yang masih banyak dilaporkan dan menunjukkan trend peningkatan," katanya.



KASEMANI (tiga dari kiri) merasmikan Sambutan Hari Malaria Sedunia Peringkat Negeri Terengganu, di Pengkalan Gawi, Tasik Kenyir. - Gambar NSTP/NAZDY HARUN

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA HADAPAN

Fi dapatkan rawatan di klinik kesihatan kerajaan disifatkan terlalu rendah

Caj RM1 tidak masuk akal

Oleh MARLLISA ANNTONY
dan SITI ATHIRAH DZULKIFLY
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Caj RM1 yang dikenakan klinik kesihatan kerajaan wajar dinaikkan kepada RM5 hingga RM20 kerana fi sedia ada disifatkan tidak masuk akal terutama ketika nilai kos rawatan semakin meningkat.


Berbanding klinik swasta, rawatan sakit demam atau selesema sahaja, caj sebanyak RM70 hingga RM90 akan dikenakan bagi konsultasi dan ubat-ubatan.

Malah sekiranya kerajaan menaikkan kepada RM10, ia masih dikira murah dan berbaloi kerana konsultasi dan ubatan yang ditawarkan di klinik kerajaan setaraf dengan klinik swasta.

Yang Dipertua Persatuan Kesihatan Ikram Malaysia (Ikram Health), Dr. Mohd. Afiq Mohd. Nor berkata, caj RM1 itu tidak menggambarkan nilai kos rawatan sebenar mahupun kerja kakitangan kementerian yang sudah *overwork* dengan tugas harian mereka.

"Pada masa akan datang klinik kesihatan dan Jabatan Perubatan Kecemasan boleh mengenakan caj RM5, malah klinik pakar boleh mengenakan caj RM15 hingga RM20.

Bersambung di muka 2



Mengejutkan!

KEADAAN bumbung Dewan Besar Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di Jalan Duta, Kuala Lumpur, yang runtuh kelmarin.
- UTUSAN/AMIR KHALID (Berita di muka 9)

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : DALAM NEGERI

Caj RM1 tidak masuk akal

Dari muka 1

"Kenaikan caj ini adalah suatu keperluan kerana kos rawatan semakin tinggi yang akan membebankan kerajaan untuk menampung sepenuhnya dan boleh menjejaskan perkembangan perkhidmatan, penambahbaikan fasiliti serta kemudahan dan kebajikan kakitangan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Mengulas lanjut, Dr. Mohd. Afiq berkata, masyarakat perlu bersedia untuk menerima sedikit kenaikan caj pada suatu hari nanti dan pastinya hasil caj itu juga akan digunakan bagi mengembangkan perkhidmatan, memperbaiki fasiliti serta kemudahan rawatan.

Beliau mengulas cadangan pembaharuan dalam sistem perbelanjaan pembiayaan kesihatan menerusi Kertas Putih Kesihatan yang akan dibentangkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada sidang Parlimen akan datang.

Sementara itu Pakar Perubatan Kesihatan Awam Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Malina Osman berkata, satu formula terbaik harus disediakan oleh kerajaan bagi menetapkan kadar bayaran tersebut namun tidak membebankan rakyat.

"Kalau dilihat, sejak tahun 60-an atau 70-an, caj bayaran RM1 untuk setiap kali rawatan di semua fasiliti kerajaan tidak berubah. Kalau dulu, tambang bas awam pun mungkin cuma 50 sen,



Masyarakat perlu bersedia untuk menerima sedikit kenaikan caj pada suatu hari nanti dan pastinya hasil caj itu juga akan digunakan bagi mengembangkan perkhidmatan, memperbaiki fasiliti serta kemudahan rawatan."

sekarang harganya pun sudah tidak lagi sama.

"Apa yang pasti, kerajaan tidak lagi mampu menampung subsidi kos rawatan kesihatan rakyat. Kita perlu mengambil kira latar belakang kemampuan ekonomi kerajaan dan keadaan ekonomi semasa. Saya sendiri pun tidak boleh petik berapa 'angka ajaib' untuk kadar bayaran minimum munasabah.

"Mungkin perkara itu boleh diajukan kepada pakar ekonomi kesihatan negara. Mereka pasti ada formula terbaik yang mengambil kira banyak faktor termasuk pertambahan populasi rakyat dan kecanggihan teknologi," katanya.

Selain itu, kata Dr. Malina, pihaknya juga berharap kerajaan dapat memastikan perkhidmatan rawatan yang disediakan berada pada tahap berkualiti termasuk memastikan kakitangan kompeten yang mencukupi.

Beliau juga berharap agar agenda Generasi Penamat atau Generational End Game (GEG) diteruskan di samping menarik semula keputusan menyahsenarai nikotin daripada senarai bahan racun.

Dalam pada itu, Pakar Perubatan Kesihatan Awam Universiti Malaya (UM), Prof. Dr. Sanjay Rampal berkata, pihaknya menyokong usaha untuk menambah bajet dalam sistem perbelanjaan pembiayaan kesihatan negara.

Pada masa yang sama, beliau juga menggesa kerajaan untuk memfokuskan juga usaha meningkatkan kesedaran kesihatan dalam kalangan komuniti dari semasa ke semasa.

"Sebahagian daripada bajet kesihatan tersebut mungkin boleh digunakan untuk kempen kesedaran kesihatan kepada masyarakat. Ini kerana kita tentunya mahu pengurangan jumlah pesakit yang datang mendapatkan rawatan terutama di hospital kerajaan yang telah sesak.

"Jika dapat menerapkan tentang kesedaran kesihatan ini di usia muda adalah lebih baik. Selain itu, adalah sangat penting untuk kementerian menyediakan jaminan kesihatan yang baik buat rakyat," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : DALAM NEGERI

'Usaha terakhir' petugas kesihatan kontrak

PETALING JAYA: Satu kumpulan petugas kesihatan kontrak menggerakkan kempen #sepakatsuara-kontrak sebagai 'usaha terakhir' memperjuang nasib supaya kerajaan mendengar tuntutan mereka sebelum Kertas Putih Kesihatan dibentangkan di Parlimen bulan ini.

Ia adalah satu lagi kempen besar ketiga petugas kesihatan sejak Julai 2021 apabila doktor kontrak mengadakan mogok yang digerakkan menerusi Hartal Doktor Kontrak dan diikuti Mogok Doktor Malaysia pada April lalu.

Kumpulan ketiga dikenali 'Petugas Kesihatan Lantikan Kontrak Satu Malaysia' itu antara lain menuntut perjawatan kontrak mereka disambung atau diserap secara berperingkat dalam sektor perkhidmatan kesihatan awam.

Kumpulan itu melancarkan

petisyen dengan poster tertera tarikh 6/2023 dan #sepakatsuara-kontrak yang dipercayai sebagai hari untuk menyatakan solidariti terhadap isu perjawatan.

Menerusi pemerhatian satu petisyen di laman *change.org* menggunakan nama Frontliner Solidarity, mereka terdiri daripada petugas kesihatan yang dilantik secara kontrak semasa Covid-19 melanda negara.

"Ia membabitkan jawatan Pegawai Pembantu Perubatan, Juruteknologi Makmal Perubatan, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran dan Juru X-ray keluaran kolej swasta bagi menyokong perkhidmatan kesihatan yang hampir lumpuh pada masa itu.

"Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) turut memainkan peranan dalam meluluskan pelantikan baharu berstatus kon-

trak ini. Selaras dengan kelulusan tersebut, Kementerian Kesihatan mengeluarkan surat tawaran pelantikan kontrak kepada calon-calon yang berjaya.

"Dalam kalangan calon berjaya itu, terdapat 'rakyat' yang mengorbankan kerjaya asal demi membantu negara. Ada yang ditempatkan jauh daripada keluarga. Dalam tempoh itu, berapa ramai yang telah 'gugur' demi menyelamatkan negara.

"Namun, setelah wabak tersebut reda, khidmat petugas kesihatan lantikan kontrak ini tidak lagi diperlukan. Dimanakah keadilan buat mereka," tulis Frontliner Solidarity.

Setakat pukul 5.30 petang semalam, sebanyak 6,900 individu menyokong petisyen tersebut.

Sementara itu, Pertubuhan Doktor-doktor Islam Malaysia

(Perdim) menyifatkan Kertas Putih Kesihatan yang dijangka dibentangkan di Parlimen perlu menjamin kebajikan petugas kesihatan dalam meningkatkan mutu sistem kesihatan awam.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presidennya, Dr. Boi Saidi Abd. Razak berkata, keutamaan perlu diberikan dalam mengeratkan kerjasama klinik perkhidmatan awam dan swasta supaya dapat mengurangkan kesesakan pesakit di klinik dan hospital kerajaan.

Katanya, melalui kerjasama itu, kesesakan pesakit yang dapat dikurangkan itu boleh menjamin kebajikan kakitangan dan pegawai kesihatan yang lebih terjaga.

"Kalau boleh kerjasama itu ada di mana boleh berkongsi pesakit di antara swasta dan kerajaan. Kementerian Kesihatan juga se-

dang merancang Skim Perubatan Madani yang membolehkan pesakit umum datang dan dirawat di klinik swasta serta dibiayai oleh Kementerian Kesihatan.

"Jadi kita harap perkara sebegini ada dan dapat direalisasikan dalam Kertas Putih Kesihatan kerana pesakit tidak perlu lagi bersesak terutamanya di hospital kerajaan," katanya.

Sebelum ini media melaporkan, Kertas Putih Kesihatan dijangka dibentangkan di Dewan Rakyat pada sidang yang dijadual bersambung minggu depan hingga 15 Jun ini.

Difahamkan Kertas Putih itu menggariskan empat tonggak dan 15 strategi reformasi kesihatan dan akan dilaksanakan sebagai reformasi berperingkat selama 15 tahun meliputi jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 29
RUANGAN : DALAM NEGERI

'Bencana' jerebu jejas kesihatan, sektor pertanian

Oleh NURSYAHIDAH SAIDI
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Malaysia perlu bersedia dengan 'bencana' jerebu yang dijangka mulai bulan ini hingga Oktober kerana Monsun Barat Daya melanda rantau selatan ASEAN sekali gus mengakibatkan gangguan kesihatan dan industri pertanian.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pakar perubatan kesihatan awam, Datuk Dr. Zainal Ariffin Omar berkata, beberapa tahun lalu, Malaysia dan ASEAN mengalami keadaan jerebu yang teruk berpunca daripada perubahan cuaca dan pembakaran terbuka yang berleluasa.

"Keadaan jerebu yang diramalkan ini dipengaruhi oleh perubahan cuaca panas dan kualiti udara yang tidak baik.

"Rakyat mesti bersedia menghadapinya dengan keadaan aktiviti harian yang tidak selesa, panas akibat jerebu," katanya.

Justeru kata beliau, orang ramai dinasihatkan menggunakan pelitup muka dan kurangkan aktiviti luar yang mungkin ambil masa yang lama.

Utusan Malaysia melaporkan, pihak berkuasa cuaca dan iklim memberi amaran akan berlakunya jerebu lebih serius di rantau selatan ASEAN antara Jun dan Oktober pada tahun ini.

Amaran itu dibuat ketika musim kemarau diramalkan berlaku lebih teruk dan berpan-



PELANCONG melihat pemandangan ibu negara dalam keadaan berjerebu ketika gambar dirakam dari Menara Kuala Lumpur. - UTUSAN/SADDAM YUSOFF

jangan daripada biasa.

Sementara itu, Pakar Kesihatan Komuniti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh memberitahu, situasi jerebu ini sememangnya sesuatu di luar kemampuan untuk dikawal kerana ia dibawa oleh angin, tetapi ia tetap perlu diberi perhatian.

"Jerebu tidak baik untuk kesihatan dan boleh menyebabkan gangguan kesihatan kepada manusia dan persekitaran.

"Kita perlu elakkan atau kurangkan sebarang aktiviti luar

terutama kepada mereka yang bekerja di luar seperti polis, pemandu lori, penghantar makanan, pemandu e-hailing, pelajar serta petani," katanya.

Pensyarah Kanan Jabatan Kesihatan Komuniti, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Malina Osman berkata, persekitaran dan manusia akan terkesan terhadap fenomena jerebu yang mungkin berlaku disebabkan bahan tercemar yang dibawa angin dari Sumatera Barat ke Se-

menanjung.

"Jerebu mampu menjejaskan produktiviti tumbuhan industri pertanian kerana ia mengganggu pencahayaan yang diperlukan tumbuhan.

"Kesan yang akan dialami oleh manusia adalah keadaan kesihatan terutama golongan rentan," katanya.

Jelas beliau, perkara lain yang dikhawatiri adalah fenomena hujan berasid akibat jerebu yang memberi kesan kepada aspek kesihatan manusia, pertanian, serta ekosistem akuatik.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 34
RUANGAN : DALAM NEGERI

26 kes malaria dilaporkan di Terengganu

HULU TERENGGANU: Sebanyak 26 kes malaria dilaporkan di Terengganu bagi tempoh lima bulan pertama tahun ini.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT), Datuk Dr. Kasemani Embong berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 22 kes melibatkan malaria zoonotik dan empat kes import daripada jangkitan manusia.

Menurutnya, jumlah itu meningkat 100 peratus berbanding tahun lalu yang cuma merekodkan 13 kes malaria bagi tempoh yang sama.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini, tiada wabak atau kematian akibat malaria dilaporkan di negeri ini.

"Daerah Hulu Terengganu mencatatkan kes paling banyak iaitu 10 kes, diikuti Kemaman (5 kes), Dungun (4 kes), Setiu (3 kes) dan masing-masing satu kes bagi daerah Besut, Marang, Kuala Nerus, serta Kuala Terengganu, katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Sambutan Hari Malaria Sedunia Peringkat Negeri Terengganu di Pengkalan Gawi, Tasik Kenyir, di sini, hari ini.

Kasemani berkata, jangkitan malaria zoonotik yang disebabkan parasit 'plasmodium knowlesi' iaitu merebak daripada haiwan seperti kera yang menjadi perumah kepada manusia, menunjukkan tren peningkatan kes.

Sementara itu, beliau memberitahu, sepanjang tahun lalu, sebanyak 32 kes malaria dilaporkan iaitu 29 kes malaria zoonotik dengan dua kematian dan tiga kes malaria manusia.

Katanya lagi, orang ramai terutamanya yang sering terdedah dengan persekitaran hutan bagi melakukan pelbagai aktiviti seperti memancing, mendaki bukit, mencari hasil hutan dan menoreh getah diharap perlu lebih peka serta ambil langkah awal.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NATION / NEWS



Johor Menteri Besar Datuk Onn Hafiz Ghazi posing for a picture with medical personnel during a visit to Sultan Ismail Hospital in Johor Baru on Wednesday. PIC FROM FACEBOOK

CRITICAL ISSUE

'ADDRESS SHORTAGE OF MEDICAL PERSONNEL'

Johor MB urges federal govt to respond to plea for assistance, in particular at HSI

JASMINE SHADIQE
JOHOR BARU
news@nst.com.my

THE federal government has been urged to provide assistance in resolving the critical shortage of doctors and nurses in public hospitals, particularly at the Sultan Ismail Hospital (HSI).

Johor Menteri Besar Datuk Onn Hafiz Ghazi emphasised the significance of the federal government's involvement in ensuring the delivery of high-quality healthcare services.

"Our plea for help only reflects our commitment in prioritising the health and wellbeing of the rakyat."

"I am highlighting the challenges faced by HSI, Sultanah Aminah Hospital and other public healthcare institutions in Johor, with the hope it will garner

the necessary support and resources to rectify the situation swiftly."

On Wednesday, Onn Hafiz visited HSI with State Health and Unity Committee chairman Ling Tian Soon and Health Ministry deputy secretary-general (finance) Datuk Seri Norazman Ayob.

He said during his visit, several issues which required immediate attention were identified.

"The most pressing concern is the severe shortage of doctors and nurses, leading to the closure of wards 9A and 10A, which, collectively, can accommodate more than 100 beds."

"This translates to more than 100 patients who require admission being deprived of healthcare."

"Because of the shortage of medical staff at HSI, only 10 of 18 operating theatres are utilised, causing significant delays in providing treatment."

"Tragically, some patients have even lost their lives while awaiting medical attention at the hospital," he added.

On May 23, the Johor Health Department reported a shortage of approximately 2,800 health personnel, primarily doctors and nurses, across the state.

This scarcity has severely strained the capacity of public healthcare institutions, impacting patient care.

Onn Hafiz stressed the urgent need for assistance from the federal government to address the critical shortage.

"The provision of additional medical professionals would alleviate the burden on existing staff and enable the hospital to function at full capacity. This, in turn, would reduce waiting time for patients and prevent further loss of lives due to delayed treatment."

"The federal government has yet to respond to this urgent plea for assistance."

"Given the gravity of the situation and the potential impact on public health, one would expect swift action will be taken to address the shortage of doctors and nurses, especially at HSI."

"As we eagerly wait for the federal government's response to our plea, the spotlight remains on HSI and its dire need for additional medical personnel."

"The timely resolution of this issue will not only alleviate the burden on the hospital staff but also ensure that patients receive prompt and adequate care, ultimately saving lives."

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NATION

Covid-19 SOP to be updated

Minister: Face mask mandate on public transport may be reviewed

KUALA LUMPUR: The Covid-19 standard operating procedure (SOP) will be updated during a Health Ministry meeting in the middle of this month, following the World Health Organisation's announcement that the respiratory disease is no longer categorised as a global health emergency.

The review might include the removal of the face mask mandate on public transport, said Health Minister Dr Zaliha Mustafa.

"In the middle of June, we will go through the SOP.

"We also have to see the trend of Covid-19 cases as it is something that we can't predict. For example, we may face a spike in cases during festive seasons, so we'll have to manage that, and then we'll decide," she told reporters after the launch of Kuala Lumpur Wellness City (KLWC) in Bukit Jalil here yesterday, according to Bernama.

Dr Zaliha said her ministry is taking a cautious approach before making any announcement, given that Malaysia is still designated a local area of infection until the end of this month.

Meanwhile, on the develop-



Focus on healthcare and wellness: Dr Zaliha (with pink scarf) being briefed on the Kuala Lumpur Wellness City project at its launch in Bukit Jalil. — Bernama

ment of KLWC, she said that it signifies a bold step towards creating a sustainable and inclusive society, where the health and well-being of Malaysians are placed at the forefront.

"This visionary initiative represents a commitment to providing the best healthcare services and towards building a healthier nation, one that recognises the

interconnectedness of physical, mental, and social well-being," she said.

KLWC is the first purpose-built township project in South-East Asia to cultivate a lifestyle fully integrated with healthcare and wellness, with a gross development value (GDV) of RM11bil spanning 10.7ha of land.

The project will feature a

well-rounded ecosystem primed for well-being and health, such as the Nobel healthcare park, Kuala Lumpur International Hospital (KLIH), innovation laboratories, clinical research and development facilities, healthcare company office towers, a retirement resort, a healthcare hub and a fitness-based central park.

Dr Zaliha also reiterated the ministry's support for private sector-driven initiatives, such as KLIH, to boost the nation's health tourism industry to be on a par with other countries such as Thailand and Singapore.

KLWC managing director Datuk Dr Colin Lee, in a statement, said the project is meant to support Malaysia's national plan to be recognised as a medical tourism destination.

"KLWC is designed to provide and prioritise health and well-being as the heart of its development, through its vision of a 360-degree wellness hub centred on its township, which encompasses all aspects of medical care, health, wellness, fitness, and business, complete with residential, retail, and commercial offerings," he said.

BV as boosters give better protection for sick and those above 60, says expert

By IMRAN HILMY
imran@thestar.com.my

GEORGE TOWN: There is a need for bivalent vaccines (BV) as boosters for the sick and people above their 60s, says a medical expert.

Universiti Sains Malaysia (USM) virologist Dr Kumitaa Theva Das said some of the early data showed that the BV resulted in lower hospitalisations in comparison to the monovalent vaccines.

However, a recent pre-print or preliminary versions of scientific manuscripts by researchers in the United States showed limited differences between the bivalent and the monovalent boosters at increasing antibody levels.

"When the bivalent vaccines (specific to Omicron BA.4 and BA.5) were first available, the circulating variants were also BA.4 and BA.5.

"However, as the virus has been constantly mutating, with XBB.1.5, XBB.1.16 and XBB.2.3 being the predominant strains now, the monovalent and bivalent vaccines are equally as effective against the XBB strains," she said.

Dr Kumitaa said the monovalent vaccine includes a component of the original virus strain to provide protection against Covid-19. The primary dose of vaccine that Malaysia received in 2021, including Pfizer and Astra Zeneca vaccines, were monovalent vaccines.

However, as the virus evolved, to ensure that we received sufficient protection from the vaccines, most vaccines' formulation was updated to include components of the Omicron variant as well.

So bivalent vaccines now also include a component of the original virus strain and a component of the Omicron variant, specifically BA.4/5, to provide better protection against Covid-19 caused by the Omicron variants, she added.

On whether there is the need to expedite purchasing the BV, Dr Kumitaa said despite the unavailability of BV in the country, there is no rush to purchase it yet.

"However, for those over 60, it is crucial to get boosted," she said.

Less than 80% of those over 60 have received their first booster and less than 8% have received their second booster, putting them at higher risk to get infected with severe symptoms, she added.

Penang Hospital infectious disease consultant Datuk Dr Chow Ting Soo said BV should be available for those 60 and above or those with comorbidities who are under 60, as well as the immune compromised group.

"In making this happen, the committee at the ministry level must recommend this," she said.

Chief Minister Chow Kon Yeow said the Covid-19 situation in Penang is still under control.

"There are also no issues with incentive care unit beds in our hospitals," said Chow, adding that BV is still not available in Penang.

Exco man: Medical staff shortage being looked into

By YEE XIANG YUN
xiangyun@thestar.com.my

JOHOR BARU: The Health Ministry has given its word that it will help address the shortage of medical staff in Johor, says state executive councillor Ling Tian Soon.

Ling, who holds the health and unity portfolio, said the ministry's top management visited the state's two main public hospitals — Hospital Sultanah Aminah (HSA) and Hospital Sultan Ismail (HSI) — on Wednesday to get a clearer picture.

"After we highlighted the issues faced by public healthcare facilities, top officials from the ministry visited the hospitals and the outcome of the discussions was positive.

"They told me that the ministry would try to help Johor iron out the issues, especially at the two main hospitals, by adding more doctors and nurses," he said when met at the state-level International Nurses' Day celebration at Persada Johor International Convention Centre here yesterday.

The Yong Peng assemblyman said these two hospitals were quite congested, adding that the specialist clinics at HSA and HSI tended to have about 1,800 and 1,900 patients daily.

The emergency and trauma department at each hospital had about 400 to 600 patients each day, he also said.

As an immediate measure, Ling said the Mahmoodiah Health Clinic, located beside HSA, would be extending its operating hours until 9.30pm starting this Sunday.

"This is to reduce the waiting time for patients with non-emer-



Dedicated lot: Onn Hafiz posing for photos with nurses at the state-level International Nurses' Day celebration at Persada Johor International Convention Centre, Johor Baru. — THOMAS YONG/The Star

gency cases such as flu, fever, cough and stomach ache, and take some pressure off the hospital's emergency and trauma department," he said.

Earlier, Johor Menteri Besar Datuk Onn Hafiz Ghazi said the state was currently facing a shortage of about 2,800 medical staff, which led to overcrowding in public healthcare facilities, especially HSA and HSI.

"HSA alone is short of about 200 doctors and it is the second busiest facility in the country after Hospital Kuala Lumpur.

"The hospital does not only

cater to those living in Johor but also patients from Melaka, Pahang and Negri Sembilan.

"When I visited HSI on Wednesday, I noticed that the paediatrics ward and emergency and trauma department were packed with patients who had to wait up to six hours to be treated.

"At the same time, there are two empty wards in the hospital without beds and staff.

"The wards can fit 108 beds, so I appeal to Putrajaya and the ministry to look into this for the benefit of patients," he said.

Onn Hafiz also expressed the

state government's appreciation for healthcare workers and announced an allocation of RM200,000 for the benefit of more than 8,000 nurses in Johor.

Ling, meanwhile, suggested that a reward or payment scheme be introduced to retain medical staff in the country as many doctors and nurses in Johor had crossed over to Singapore for better opportunities.

"Not only are public hospitals feeling the pinch, but private hospitals are also facing a similar shortage of medical staff," he said.